

Pakar asing diberi peluang

Ⓜ 21 MAY 1993

KUALA LUMPUR 20 Mei — Kerajaan akan membuka peluang kepada pakar-pakar asing untuk berkhidmat dalam sektor-sektor yang masih belum mempunyai persaingan yang besar jika keadaan memerlukan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah tersebut akan menambahkan bilangan pakar-pakar dalam sektor yang terlibat dan ia juga secara tidak langsung mengurangkan jurang pendapatan antara mereka yang berkhidmat dalam kerajaan dan swasta.

"Dasar membawa masuk doktor-doktor asing ke negara ini bagi meningkatkan persaingan yang besar di kalangan doktor-doktor swasta akan dikembangkan kepada sektor-sektor lain jika keadaan memerlukan,"

katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Seminar 'Peranan Hospital Swasta di Malaysia Pada Masa Kini dan Akan Datang' di sini hari ini.

Katanya, kerajaan perlu mengimbang antara keperluan orang ramai dengan keperluan sesuatu profesion itu.

Melindungi

"Di samping melindungi apa juga profesion dalam negeri, kita juga harus ingat bahawa kepentingan umum adalah lebih utama daripada kepentingan individu atau mana-mana kumpulan," tambahnya.

Perdana Menteri menjelaskan, dasar membawa masuk doktor-doktor asing juga adalah untuk menampung kekurangan doktor.

Mengenai cadangan menyelaraskan kadar ba-

yan perkhidmatan doktor, katanya, perkara itu sukar dilakukan kerana ia bergantung kepada kemampuan pesakit untuk membayar.

"Bayaran doktor swasta juga bergantung kepada kawasan kerana doktor di bandar mengenakan bayaran yang lebih dan doktor di luar bandar mengenakan bayaran rendah.

"Di tempat di mana penawaran doktor terlalu banyak, bayarannya adalah lebih rendah berbanding dengan bayaran di kawasan doktor yang bilangannya kecil," kata Dr. Mahathir.

Mengulas tentang bayaran yang dikenakan kepada mereka yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), jelas beliau, perkara itu tidak dapat dielakkan kerana IJN sudah diperbandingkan dan mungkin di-swastakan kemudian.

"Kalau kita tidak bayar gaji pakar-pakar di situ setanding dengan swasta, mereka akan meninggalkan IJN.

"Kita akan ada bangunan yang cantik dan alat-alat yang canggih tetapi tiada pakar," tambah beliau.

Dalam hal ini, katanya, kerajaan terpaksa mengurangkan aspek-aspek kebajikan dan melebihi soal komersial bagi memastikan segalanya berjalan baik.

Dagangan

Mengulas cadangan Amerika supaya diwujudkan hubungan perdagangan antara Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dengan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), kata Dr. Mahathir, beliau perlu mengetahui butir-butir cadangan tersebut.

"Kita kena periksa dulu untuk mengetahui apakah sebenarnya hubungan yang mahu diwujudkan itu," ujarnya.

Beliau menambah, kalau hubungan itu membawa manfaat, ia adalah baik tetapi jika mendatangkan kerugian, kerajaan akan menolaknya.

Laporan akhbar hari ini menyebut bahawa Penolong Setiausaha Amerika bagi Hal Ekuwal Asia Timur dan Pasifik, Winston Lord membangkitkan cadangan itu semasa perbincangan tahunan ASEAN dengan Amerika di Brunei minggu lepas.